

Roslinda pergi awal ke Jerman

>>Oleh Aida Adilah Mat
aida@hmetro.com.my

PRESIDEN Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Datuk Seri Shahidan Kassim, yakin pelompat bergalah wanita negara, Roslinda Samsu (*gambar*), mampu melayakkan diri beraksi ke Kejohanan Dunia di Berlin, Jerman, yang dijadualkan berlangsung Ogos depan.

Justeru, bagi memberi suntikan semangat kepada atlit itu, KOAM bersedia menghantar Roslinda lebih awal bagi menjalani latihan di Mannheim, Jerman, yang dijangka bermula pada akhir bulan ini.

Shahidan berkata, senarai nama atlit yang akan ke Jerman sudah dihantar ke Majlis Sukan Negara (MSN) dan kini hanya menunggu lampu hijau daripada agensi itu. Namun Roslinda akan pergi lebih awal daripada



atlit lain.

"Roslinda akan bertolak ke Jerman awal seminggu daripada atlit lain. Dalam tempoh itu KOAM akan menanggung semua perbelanjaan Roslinda kerana yakin dia mampu melepassi syarat kelayakan ke Berlin.

"Kita beri dia lebih banyak masa untuk menjalani latihan dan menyesuaikan diri di sana. Tapi Roslinda terlebih dahulu akan mencuba peluangnya di Terbuka Filipina selepas gagal di Kejohanan Negeri Sembilan tempoh hari," katanya yang turut hadir menyaksikan Roslinda di Terbuka Negeri Sembilan hujung bulan lalu.

Di kejohanan itu, biarpun Roslinda meraih emas dengan lompatan setinggi 4.25 meter, catatan itu gagal melepassi syarat kelayakan 4.35m Kejohanan Dunia yang ditetapkan.

Sementara itu, Shahidan yang

ditemui ketika melawat atlit 400 meter negara, K Amran Raj, di Pusat Perubatan Damansara, berkata dia turut berasa simpati terhadap pemenang emas acara 4x400m Sukan Sea itu, namun yakin Amran akan aktif kembali selepas pulih daripada kemalangan yang dialami.

Katanya, Amran bakal terlepas semua kejohanan utama tahun ini termasuk Terbuka Filipina dan Sukan Sea di Vientienne, Laos, hujung tahun ini.

Shahidan juga memaklumkan atlit akan dihantar menyertai Terbuka Filipina biarpun dunia ketika ini bergelut dengan wabak Influenza A (H1N1).

"Selepas tidak ke Terbuka Thailand kerana pergolakan di sana, atlit tidak dapat elak daripada menyertai kejohanan di Filipina kerana ia adalah medan terbaik untuk mereka melayakkan diri ke Sukan Sea," katanya.